

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH : SELASA, 7 MAC 2017**

**RUJUKAN : L1 [PR-1351-L00118]**

**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan prosedur penjualan tanah DBKL. Kenapakah tender terbuka tidak dilaksanakan daripada segi penjualan tanah Kerajaan.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, semua permohonan penjualan tanah akan dipertimbangkan di peringkat Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pengurusan tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Jawatankuasa ini akan meneliti, membuat analisa dan memperakukan syarikat yang boleh ditawarkan untuk membeli tanah DBKL. Jawatankuasa akan memastikan setiap penjualan akan mendapatkan nilai pulangan yang terbaik untuk DBKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh juga, selaras dengan keperluan Seksyen (101) (r) Akta Kerajaan Tempatan 1976, perakuan Jawatankuasa akan dikemukakan kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan untuk dimuktamadkan.